

12/03/2002

Proton bakal kikis dominasi Peugeot, Volvo

BASIKAL Proton produk Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (PROTON) adalah 'jawapan terbaik' kepada cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pasukan negara bertanding di perlumbaan elit Hors de Classe khususnya Tour de France menggunakan barangan tempatan.

Sekalipun tampil di Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi 2002 (LTdL 2002) bulan lalu dengan status bayi baru dilahirkan, namun basikal itu direka bentuk kumpulan jurutera berkebolehan tinggi PROTON 'lulus ujian dengan cemerlang'.

Ini terbukti apabila basikal Proton dikeluarkan EP Manufacturing Berhad (EPMB) - syarikat pengeluar tempatan berstatus pengeluar terbaik dan mula digunakan dua minggu sebelum LTdL 2002, berjaya lima kali menduduki kelompok 20 teratas daripada 151 pelumba.

Senario meyakinkan itu membahangkan betapa saranan Dr Mahathir bukan omongan kosong dan membuktikan basikal Proton 'berbudaya boleh segera diadaptasikan' sebagaimana berlaku di LTdL 2002, atau mana-mana kejohanan utama selepas ini.

Ia turut mematikan 'hipotesis nakal' betapa pelumba negara sukar berkayuh basikal baru Proton apatah lagi hanya diberikan masa dua minggu sebelum bermula LTdL 2002!

Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff menjelaskan pihaknya meneruskan revolusi digerakkan Peugeot dan Volvo yang lebih awal mengorak langkah mengeluar basikal.

Beliau menegaskan PROTON bertindak pantas mengikuti jejak langkah dua pengeluar kereta tersohor Eropah itu, selain cekap menghidu peluang memenuhi permintaan pasaran dan memberi opsyen kepada pengguna menyahut cabaran Perdana Menteri.

"Sebagaimana yang kita tahu, Perdana Menteri baru-baru ini mahu pelumba Malaysia berlumba di Eropah termasuk Tour de France. Jadi, inilah peluang PROTON sama-sama merealisasikan impian Dr Mahathir.

"Tidak mustahil satu hari nanti basikal Proton akan bertanding di Tour de France, Giro d'Italia atau Espana e Vuelta. PROTON sudah buktikan komitmen tinggi kami dalam hal ini," katanya baru-baru ini.

Perdana Menteri ketika menghadiri perlumbaan peringkat pertama ujian masa individu (ITT) LTdL 2002 di Putrajaya 1 Februari lalu mahu pelumba Malaysia berjiwa besar menyertai perlumbaan elit Hors de Classe seperti Tour de France .

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton Edar, Maruan Mohd Said pula menjelaskan basikal Proton seberat 7.5 kilogram dan berteraskan komponen fiber karbon serta menggunakan teknologi aeronautikal dan kepakaran automatik bagi menghasilkan kayuhan terbaik, berjaya mengangkat martabat PROTON selaku pengeluar kereta nasional memiliki produk komprehensif termasuk basikal.

Maruan menegaskan basikal Proton yang masih lagi di dalam proses 'cuba dan betul' manakala kumpulan jurutera PROTON pula sedang mengkaji semua fakta yang diperolehi sepanjang LTdL 2002 bagi memantapkan prestasi produk berkenaan.

"Saya percaya Proton yang menghasilkan basikal lumba untuk lebuhraya (road-bike) dan basikal bukit (MTB) boleh menguasai pasaran basikal Malaysia. Buat permulaan, kami unjur jualan antara 300 dan 400 basikal setahun.

"Angka ini sangat kompetitif dengan mengambil kira senario pasaran

keseluruhan di Malaysia. Malah, kami jangka faktor harga iaitu RM10,000 untuk basikal lebih raya, cukup kompetitif," katanya.

Justeru, Maruan meramal kehadiran basikal Proton akan segera mengikis dominasi jenama lain, khususnya Peugeot dan Volvo-Cannondale dalam masa yang singkat.

(END)